
Kajian Keberkesanan Arena Usahawan JKE sebagai Medium Pembelajaran Keusahawanan Berasaskan Amali

Sharmila Bt Md Isa¹, Sazila Binti Ibrahim², Saadiah Binti Seman³, Hidayah Binti Tapri⁴, Mai Noor Asiah Binti Tan Zalilah⁵

^{1,2,3,4,5} *Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Politeknik Ungku Omar, 31400 Ipoh, Perak*
E-mail: sharmila.mdisa@puo.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan Arena Usahawan JKE sebagai medium pembelajaran keusahawanan berasaskan amali dalam kalangan pelajar. Platform ini memberi peluang kepada pelajar untuk menjalankan aktiviti perniagaan secara langsung serta mengaplikasikan pengetahuan keusahawanan yang dipelajari secara teori. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif melalui kaedah tinjauan dengan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Instrumen kajian merangkumi beberapa konstruk utama iaitu keberkesanan Arena Usahawan JKE sebagai medium pembelajaran, penglibatan pelajar dalam aktiviti perniagaan, pembangunan kemahiran keusahawanan, pembelajaran berasaskan amali, faktor pelaksanaan dan sokongan serta tahap kepuasan pelajar. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif iaitu min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa Arena Usahawan JKE berada pada tahap keberkesanan yang tinggi sebagai medium pembelajaran berasaskan amali. Pelajar menunjukkan penglibatan yang aktif dalam aktiviti perniagaan serta memperoleh pengalaman pembelajaran secara langsung yang membantu meningkatkan kemahiran keusahawanan seperti komunikasi, pengurusan kewangan, kreativiti dan keyakinan diri. Selain itu, tahap kepuasan pelajar terhadap pelaksanaan Arena Usahawan JKE juga didapati tinggi. Secara keseluruhannya, Arena Usahawan JKE berpotensi menjadi platform pembelajaran berasaskan pengalaman yang berkesan dalam menyokong pembangunan kompetensi keusahawanan pelajar.

Kata Kunci : *keusahawanan, pembelajaran berasaskan amali, experiential learning, penglibatan pelajar, Arena Usahawan JKE.*

This study aims to evaluate the effectiveness of the Arena Usahawan JKE as a medium of practical-based entrepreneurship learning among students. This platform provides students with the opportunity to carry out business activities directly and apply the entrepreneurial knowledge learned theoretically. This study uses a quantitative approach through a survey method with a questionnaire as the research instrument. The research instrument includes several main constructs, namely the effectiveness of the Arena Usahawan JKE as a learning medium, student involvement in business activities, entrepreneurial skill development, practical-based learning, implementation and support factors, and student satisfaction levels. The data is analyzed using descriptive statistics, namely the mean and standard deviation. The study findings show that the Arena Usahawan JKE is at a high level of effectiveness as a practical-based learning medium. Students show active involvement in business activities and gain direct learning experiences that help improve entrepreneurial skills such as communication, financial management, creativity, and self-confidence. In addition, the level of student satisfaction with the implementation of the Arena Usahawan JKE was also found to be high. Overall, the Arena Usahawan JKE has the potential to be an effective experiential learning platform in supporting the development of students' entrepreneurial competencies.

Keywords: *entrepreneurship, practice-based learning, experiential learning, student engagement, JKE Entrepreneur Arena*
